



Kesediaan Sekolah-sekolah Agama Islam di Selatan Thailand dalam Melaksanakan Jaminan Kualiti Pendidikan daripada Aspek Proses

SUPYAN HUSSEIN

ABSTRAK

Artikel ini memaparkan pelaksanaan satu dasar legislatif di negara Thailand yang mewajibkan semua institusi pendidikan, termasuk sekolah agama Islam swasta, meningkatkan kualiti pendidikan dalam pelbagai aspek, khususnya proses pengurusan, perhubungan, dan pembelajaran. Proses jaminan kualiti yang diguna pakai berdasarkan model Oakland yang diubahsuai menurut keperluan pendidikan Thailand dan piawaian kualiti antarabangsa (ISO). Sampel kajian terdiri daripada 393 ahli jawatankuasa (AJK) jaminan kualiti di 120 buah sekolah agama Islam swasta. Borang soal selidik kajian telah dibina berasaskan dokumen rasmi jaminan kualiti kerajaan. Responden berkenaan telah diminta menaksir dan menilai tahap kesediaan sekolah-sekolah dalam aspek piawaian proses pengurusan. Secara amnya, kajian ini mendapati bahawa kesediaan sekolah-sekolah berkenaan berada pada tahap yang sederhana dan memuaskan walaupun menghadapi beberapa masalah dan kekangan.

ABSTRACT

This article explains the implementation of a legislative policy in Thailand which impose that all education institutions, including the private Islamic religious schools to improve the quality of education in various aspects especially the process of management, communication and learning. The process of quality assurance in Thailand follows the Oakland Model which was modified according to the education needs of Thailand and the International Standard of Quality (ISO). Sample for this study was taken from 393 quality assurance committee members of 120 private Islamic religious schools. The questionnaire was developed based on the government's formal quality assurance document. Respondents were asked to assess and evaluate the level of schools' readiness in the aspects of the standard management process. In general the study reveals that the readiness of the schools is at the average and satisfactory level despite experiencing problems and limitations.



PENGENALAN

Kesediaan organisasi bermaksud satu keadaan di mana persiapan atau persediaan yang perlu dibuat secara teratur dan selaras oleh sesebuah organisasi untuk melaksanakan sesuatu rancangan pembangunan atau rancangan naik taraf, dan di dalam proses persediaan tersebut terdapat perhitungan tentang sumber, strategi dan kekangan. Persediaan yang lengkap menandakan kesediaan yang tinggi, dan sebaliknya jika persediaan masih serba tidak mencukupi dan tidak teratur, maka kesediaan adalah rendah. Dalam konteks pelaksanaan dasar jaminan kualiti pendidikan, kesediaan merujuk kepada skop dan tahap persediaan yang dibuat oleh kumpulan pelaksana dalam pelbagai aspek, khususnya aspek kewangan, perbekalan prasarana, teknologi, sumber tenaga manusia, kumpulan pemantau dan latihan staf.

Kajian yang dilaporkan oleh artikel ini memberi tumpuan kepada kesediaan sekolah-sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand (sekolah yang dianggap terpinggir dan bermasalah) dalam melaksanakan dasar jaminan kualiti pendidikan. Sekolah agama Islam di Selatan Thailand pada awalnya wujud sebagai sekolah pondok, tetapi pada tahun 1982 kerajaan Thailand telah menukarkan taraf sekolah-sekolah pondok menjadi sekolah agama Islam swasta. Sekolah kategori ini majoritinya berada di empat wilayah Selatan Thailand iaitu Wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul. Wilayah-wilayah tersebut merupakan wilayah kontroversi dan mendapat perhatian oleh Kementerian Pendidikan di Bangkok. Setakat ini sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand boleh dikategorikan kepada tiga jenis sekolah iaitu:

1. Sekolah Agama Islam Swasta subsidi penuh yang terdaftar menurut Seksyen 15(1) Akta Pendidikan Thailand 1999. Sekolah-sekolah jenis ini berdaftar secara yayasan dan ia mempunyai kualiti prasarana dan kualiti pendidikan yang baik.
2. Sekolah Agama Islam Swasta subsidi sebahagian (60%) yang terdaftar di bawah Seksyen 15(1). Sekolah jenis ini adalah sekolah yang tidak berdaftar secara yayasan tetapi menerima 60% bantuan kewangan dan sekolah-sekolah jenis ini mempunyai kualiti prasarana yang baik.
3. Sekolah Agama Islam Swasta dengan subsidi minimum yang terdaftar menurut Seksyen 15(2). Sekolah-sekolah jenis ini tidak berdaftar secara yayasan dan tidak mempunyai prasarana yang baik.

KONSEP KUALITI DAN JAMINAN KUALITI

'Kualiti' boleh ditinjau dari pelbagai perspektif dan boleh pula diberikan definisi yang berlainan menurut konteks dan fokus. Dari perspektif falsafah pendidikan dalam konteks pembangunan diri, kualiti manusia merujuk kepada ketinggian



peribadi dan akal manusia, seperti yang diusulkan oleh para sarjana sejak zaman-berzaman, iaitu dari sejak zaman Kung Fu-Tze hinggalah ke zaman Imam Al-Ghazali dan ke zaman John Dewey, Paolo Freire dan Yusof Qardawi (Sufean Hussin 2002).

Namun demikian, dari perspektif organisasi, konsep kualiti wajar bersifat komprehensif, iaitu meliputi dimensi produk, perkhidmatan, aktiviti dan proses. Selaras dengan dimensi-dimensi berkenaan, secara spesifiknya kualiti bermakna 'darjah kebagusan' menurut sesuatu penilaian umum ataupun piawaian yang ditetapkan secara konvensyen. Misalnya, penilaian umum mengatakan kereta MerzB sememangnya baik dan berprestij tinggi. Atau pun secara konvensyen, firma Y diperiksa dan didapati mempunyai rekod kerja yang kemas dan sistematik, dan dengan demikian mempunyai piawaian kualiti yang tinggi. Walau apa pun kemelut pemikiran yang ada, yang pentingnya dari segi pertumbuhan dan perkembangan daya saing organisasi, definisi kualiti tertakluk kepada kepuasan hati pelanggan atau orang awam kerana penilaian substansif ke atas kualiti sesuatu produk merupakan penilaian kepada sejauh manakah produk itu dapat menyempurnakan cita rasa mereka, fungsi kerja mereka, dan dapat menyelesaikan masalah mereka (Sufean Hussin 2002; Oakland 1996; Sallis & Edward 1993; Nicholls 1993).

Dalam dunia perindustrian dan firma perniagaan 'kualiti' sebagai satu konsep telah mula mendapat perhatian serius sejak awal abad kedua puluh. Konsep kawalan kualiti, pengurusan kualiti dan kualiti produk telah diperkenalkan oleh Ronald A. Fisher pada tahun 1900, kemudian dikembangkan oleh Walter Shewhart pada tahun 1924, dan seterusnya dimajukan oleh W. Edward Deming dalam tahun-tahun 1950-an di Jepun dan Amerika Syarikat (Ralph & Douglas 1994). Matlamat utama konsep kualiti ialah untuk menjamin kemajuan syarikat berdasarkan kepuasan hati pelanggan barangan dan perkhidmatan sesebuah syarikat.


Idea kawalan kualiti dikembangkan menjadi pengurusan kualiti oleh Kaoru Ishikawa (1988) dan akhirnya wujudlah konsep pengurusan kualiti menyeluruh (total quality management, TQM). TQM adalah satu proses yang berterusan di dalam organisasi yang akhirnya boleh menjadi satu budaya organisasi atau satu pendekatan pembuatan (Sallis & Edward 1993).

Jaminan kualiti pendidikan ialah satu proses pemantauan kualiti yang merangkumi pengauditan dan penilaian kualiti sesebuah organisasi pendidikan berlandaskan panduan yang sistematik. Usaha tersebut bertujuan untuk mencapai pendidikan yang berkualiti, dan kualiti itu pula dapat meyakinkan pelanggan termasuk pelajar, ibu bapa, agensi kerajaan dan masyarakat bahawa pendidikan yang ada relevan dengan keperluan pembangunan negara, masyarakat dan individu (Jabatan Timbalan Hal Ehwal Universiti, Thailand 1998; Tenneyson, 1996; Doherty, G.D. 1994; Cryer 1993).

John S. Oakland (1996) mengusulkan satu model TQM yang menekankan empat aspek utama iaitu:

1. Komitmen pengurusan dan dasar kualiti iaitu 14 perkara oleh Deming.
2. Alat-alat TQM untuk kawalan kualiti seperti penggunaan carta, rajah, graf, statistik dan lain-lain.
3. Pembentukan kumpulan kerja.
4. Sistem kualiti iaitu ISO 9000.


Model TQM Oakland telah dimajukan menurut masa dan kini bagi bidang pengurusan mempunyai tiga jenis ISO iaitu ISO 9000, ISO 9001 dan ISO 9004. Walaupun ISO 9000 direka bentuk untuk sektor industri, sejajar dengan pemuasan kehendak pelanggan, tetapi ia boleh diaplikasikan kepada organisasi pendidikan dan latihan. Pada tahun 1995, ISO 9000 mula dipakai secara rasmi dalam sektor pendidikan dan latihan. Beberapa amalan yang dilaksanakan dalam organisasi pendidikan pada masa ini merupakan sebahagian daripada elemen yang terkandung dalam keperluan syarat ISO 9000, kawalan proses, latihan dan teknik-teknik statistik (Sufean Hussin 2002).



RAJAH 1. Model TQM John S. Oakland

Sumber: John S. Oakland, *Pengurusan Kualiti Menyeluruh*, terjemahan Mohamad Salmi Mohd. Sohod, Kuala Lumpur, 1996. m.s: 340

Pelaksanaan jaminan kualiti pendidikan di Thailand mula dilaksanakan pada tahun 1941 melalui peraturan pengiktirafan sekolah, khususnya bagi sektor pendidikan swasta. Kemudian peraturan ini dipinda pada tahun 1993 bagi memperkemarkan lagi prosedur penjaminan terhadap sekolah swasta di Thailand. Akta Pendidikan Negara 1999 Bahagian V1, Seksyen 49, mengenai jaminan kualiti pendidikan menetapkan penubuhan Jabatan Pendidikan Negara dan Penilaian



RAJAH 2. Struktur pengurusan ISO 9000 : 2000

Sumber: Ubah sesuai dari Secretariat of ISO/TC 176/SC 2. *ISO 9000 Introduction and Support Package: Guidance on The Process Approach to Quality Management Systems*: London. BSI Standard: 2001. m.s 2.



Kualiti (ONESQA) bagi melaksanakan jaminan kualiti pendidikan di setiap peringkat dan di semua jenis institusi pendidikan. Akta 1999 ini membatalkan peraturan Kementerian Pendidikan 1993.

Sekolah agama Islam swasta di Thailand tidak terkecuali daripada dasar jaminan kualiti pendidikan bagi memperoleh persijilan kualiti daripada ONESQA seperti mana yang dilaksanakan di sekolah-sekolah awam. Perkara tersebut telah pun ditetapkan dalam Akta Pendidikan Negara 1999 Seksyen 43. Sekolah-sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand merupakan satu-satunya kumpulan institusi pendidikan yang menyumbang kepada perkembangan dan pengajian agama Islam, secara program akademik dan juga program vokasional di Selatan Thailand.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan berasaskan model TQM Oakland (1996) yang dikembangkan oleh ONESQA kerajaan Thailand menurut piawaian dalam beberapa aspek, termasuk aspek proses. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan (survey) dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada 393 ahli jawatankuasa jaminan kualiti di 120 buah sekolah agama Islam swasta di empat wilayah (Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul) di Selatan Thailand.

Item-item soal selidik telah dibina berdasarkan dokumen piawaian pendidikan oleh ONESQA, khususnya dalam aspek proses pentadbiran, proses hubungan komuniti dan proses pengajaran dan pembelajaran. Berasaskan tiga aspek proses ini, 28 item soal selidik telah dibina, iaitu seperti mana yang dijelaskan dalam Jadual 1 di mana tiga aspek berkenaan dinyatakan sebagai Aspek 8, 9, 10 sejajar dengan aspek yang ada dalam dokumen kualiti kerajaan. Setiap item soal selidik mempunyai skala Likert poin lima mata, iaitu dari 1 (sangat tidak setuju) kepada 5 (sangat setuju).

Kajian ini juga meneliti kekangan dan masalah yang dihadapi oleh sekolah dalam memenuhi keperluan piawaian proses. Item-item soal selidik bahagian ini dibina berlandaskan piawaian proses yang ditetapkan oleh ONESQA dan rujukan mengenai status sekolah agama Islam swasta. Setiap item soal selidik bahagian ini pula mempunyai skala Likert poin lima, iaitu 19 tiada langsung kekangan dan masalah) hingga 5 (terlalu banyak kekangan dan masalah).

Soal selidik kekangan dan masalah sekolah dalam pelaksanaan kualiti bagi aspek piawaian proses mempunyai satu bahagian yang diterbitkan kepada 10 item soalan, iaitu seperti mana yang dijelaskan dalam Jadual 2. Responden menuliskan nombor yang sesuai pada sesuatu item soal selidik. Data-data yang diperoleh daripada 393 orang responden (ahli jawatankuasa jaminan kualiti sekolah) telah dianalisis menggunakan kekerapan, peratus dan min. Perkaitan antara beberapa pembolehubah juga dianalisis, tetapi memandangkan ruangan



terhad dalam artikel ini, maka rumusan analisis khi-kuasa dua diberikan secara naratif dalam perbincangan mengenai implikasi kajian.

DAPATAN KAJIAN

Data-data diperoleh daripada soal selidik telah diproses menggunakan program analisis komputer SPSS Versi 7.5. Jadual 1 berikut menunjukkan keputusan kajian. Skala respon 1 hingga 5 dalam jadual menunjukkan aras persetujuan Ahli-ahli Jawatankuasa Kualiti iaitu:

1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Kurang Setuju 3 = Agak Setuju
4 = Setuju 5 = Sangat Setuju

JADUAL 1. Taburan kekerapan dan peratus respon AJK jaminan kualiti tentang tahap kesediaan sekolah dalam melaksanakan tiga aspek piawaian proses

Bil.	Piawaian 8 (Aspek sistem pentadbiran dan pengurusan sekolah)	1	2	3	4	5	Min
1.	Sekolah melaksanakan pentadbiran dengan berasaskan panduan yang ditetapkan	2.3 (9)	13.2 (52)	28.8 (113)	41.0 (161)	14.8 (58)	3.52
2.	Sekolah mempunyai falsafah dan polisi tersendiri	0.3 (1)	2.3 (9)	12.0 (47)	37.2 (146)	48.3 (190)	4.31
3.	Sekolah melaksanakan falsafah dan polisi sejajar dengan pelan pendidikan negara	0.3 (1)	2.0 (8)	21.6 (85)	43.0 (169)	33.1 (130)	4.06
4.	Dalam menetapkan falsafah dan polisi, pihak sekolah bekerja sama dengan ibu bapa dan komuniti	4.1 (16)	8.1 (32)	30.0 (118)	36.6 (144)	21.1 (83)	3.62
5.	Sekolah mempunyai pelan pembangunan dan pelan pelaksanaan kerja	- (0)	9.4 (37)	23.7 (93)	33.8 (133)	33.1 (130)	3.90
6.	Sekolah menetapkan indikator kejayaan dasarnya	0.5 (2)	13.5 (53)	25.7 (101)	42.5 (167)	17.8 (70)	3.63
7.	Dalam melaksanakan kerja pihak sekolah memberi galakan supaya bekerja secara berpasukan	24.9 (98)	49.6 (195)	16.8 (66)	8.4 (33)	0.3 (1)	2.09
8.	Sekolah selalu mengaudit dalaman dan menilai hasil untuk menentukan pencapaian matlamat	6.9 (27)	18.3 (72)	31.3 (123)	32.3 (127)	11.2 (44)	3.22

bersambung

sambungan (JADUAL 1)

9.	Sekolah mempunyai maklumat yang lengkap dan sejajar dengan permintaan guru dan pelajar	2.5 (10)	15.8 (62)	36.6 (144)	36.1 (142)	8.9 (35)	3.33
10.	Sekolah mendokumentasikan data-data	3.8 (15)	14.0 (55)	27.0 (108)	39.7 (156)	15.0 (59)	3.48
11.	Sekolah melaporkan hasil penilaian kepada warga sekolah	3.3 (13)	14.8 (58)	35.1 (138)	37.7 (148)	9.2 (36)	3.34
12.	Sekolah melaporkan hasil penilaian kepada orang awam	10.7 (42)	26.7 (105)	37.7 (148)	18.6 (73)	6.4 (25)	2.83
13.	Dalam membuat keputusan dan menambah baik pekerjaan, pihak sekolah menggunakan data yang didokumentasi dan hasil penilaian	4.8 (19)	17.6 (69)	31.0 (122)	36.9 (145)	9.7 (38)	3.29
Bil.	Piawaian 9 (Aspek hubungan sekolah dengan komuniti dalam pendidikan)						
14.	Pentadbir dan guru sekolah mengadakan hubungan yang erat dengan komuniti dari aspek pengurusan pendidikan	0.8 (3)	9.7 (38)	22.6 (89)	47.3 (186)	19.6 (77)	3.75
15.	Sekolah memberi peluang kepada ibu bapa dan komuniti dalam pembangunan sekolah	1.0 (4)	10.2 (40)	43.3 (170)	33.1 (130)	12.5 (49)	3.45
Bil.	Piawaian 10 (Aspek pengajaran dan pembelajaran berpusat pelajar)						
16.	Sekolah mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pelbagai metodologi	- (0)	6.6 (26)	39.4 (155)	34.9 (137)	19.1 (75)	3.66
17.	Sekolah mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis di kalangan pelajar	0.3 (1)	6.1 (24)	35.9 (141)	42.5 (167)	15.3 (60)	3.66
18.	Sekolah mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan bagi masalah dan membuat keputusan	- (0)	5.3 (21)	41.0 (161)	37.2 (146)	16.5 (65)	3.64

bersambung



sambungan (JADUAL 1)

19.	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilancarkan oleh sekolah membolehkan pengetahuan	0.3 (1)	4.1 (16)	21.6 (85)	57.0 (224)	17.0 (67)	3.86
20.	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat mewujudkan konsep pengetahuan secara persendirian	0.8 (3)	6.5 (25)	37.7 (148)	42.0 (165)	13.2 (52)	3.60
21.	Sekolah menggunakan teknologi dan alat-alatan ciptaan komuniti tempatan yang sesuai dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran	1.0 (4)	13.2 (52)	36.9 (145)	33.6 (132)	15.3 (60)	3.48
22.	Sekolah mengadakan aktiviti dan latihan yang menggalakkan pembentukan etika dan moral pelajar	0.3 (1)	2.5 (10)	14.8 (58)	48.6 (191)	33.8 (133)	4.13
23.	Sekolah mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kesedaran estetika	0.8 (3)	9.4 (37)	34.4 (131)	46.3 (182)	9.2 (36)	3.53
24.	Sekolah menggalakkan proses demokrasi dalam interaksi dengan orang lain	6.1 (24)	11.7 (46)	13.7 (54)	41.2 (162)	27.2 (107)	3.71
25.	Sekolah menggalakkan kerjasama antara ahli-ahli pasukan dan bertanggungjawab ke atasnya	0.3 (1)	1.8 (7)	33.3 (131)	44.8 (176)	19.8 (78)	3.82
26.	Sekolah melaksanakan penilaian perkembangan pelajar dengan pelbagai metodologi	0.5 (2)	9.9 (39)	40.5 (159)	36.1 (142)	13.0 (51)	3.51
27.	Sekolah melaksanakan penilaian perkembangan pelajar dengan berkesan	1.5 (6)	10.9 (43)	38.7 (152)	37.4 (147)	11.5 (45)	3.46
28.	Sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mewujudkan perasaan kasih terhadap sekolah	0.5 (2)	8.1 (32)	27.2 (107)	44.0 (173)	20.1 (79)	3.75

Berdasarkan keputusan Jadual 1, dapatan utama kajian dalam aspek piawaian kualiti proses pentadbiran dan pengurusan adalah seperti berikut:

1. Aspek Piawaian 8 adalah mengenai sistem pentadbiran dan pengurusan sekolah mengikut keutamaan persetujuan responden. Kebanyakan responden bersetuju bahawa di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mempunyai falsafah dan polisi tersendiri, melaksanakan falsafah dan polisi sejajar dengan pelan pendidikan negara, mempunyai pelan pembangunan dan pelan pelaksanaan kerja, menetapkan indikator kejayaan dasarnya, menetapkan falsafah dan polisi, pihak sekolah bekerjasama dengan ibu bapa dan komuniti, melaksanakan pentadbiran dengan berasaskan panduan yang ditetapkan, mendokumentasikan data-data, melaporkan hasil penilaian kepada warga sekolah, menggunakan data yang didokumentasikan dan hasil penilaian dalam membuat keputusan dan menambah baik pekerjaan, mempunyai maklumat yang lengkap dan sejajar dengan permintaan guru dan pelajar dan sekolah selalu mengaudit dalaman dan menilai hasil untuk menentukan pencapaian matlamat. Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dan baik dalam aspek tersebut.

Selanjutnya, kebanyakan responden pula agak setuju bahawa sekolah-sekolah agama Islam swasta melaporkan hasil penilaian kepada orang awam. Ramai di kalangan mereka yang berat menyatakan tidak bersetuju. Ini bermakna kesediaan kualiti sekolah-sekolah dalam aspek ini adalah sederhana memuaskan.

Selain itu, kebanyakan responden tidak setuju dengan kenyataan bahawa sekolah memberi galakan supaya bekerja secara berpasukan dalam melaksanakan kerja. Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah mengenai galakan untuk bekerja secara berpasukan adalah tidak memuaskan.

2. Aspek Piawaian 9 adalah mengenai galakan sekolah membina dan bekerjasama dengan komuniti dalam pembangunan pendidikan. Kebanyakan responden bersetuju bahawa pentadbir dan guru sekolah mengadakan hubungan yang erat dengan komuniti dari aspek pengurusan pendidikan, memberi peluang kepada ibu bapa dan komuniti dalam pembangunan pendidikan. Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dan baik dalam aspek piawaian 9.
3. Aspek Piawaian 10 adalah mengenai bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Kebanyakan responden bersetuju bahawa di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mengadakan aktiviti dan latihan yang menggalakkan pembentukan etika dan moral pelajar, aktiviti pengajaran dan pembelajaran membolehkan perluasan pengetahuan, menggalakkan proses demokrasi dalam interaksi dengan orang lain, menggalakkan kerjasama antara ahli-ahli pasukan, melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mewujudkan perasaan kasih terhadap sekolah. Responden (AJK kualiti) juga mengatakan setuju bahawa sekolah-sekolah agama mengadakan aktiviti pengajaran dan



pembelajaran yang menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis di kalangan pelajar, mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kesedaran estetika, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat mewujudkan konsep pengetahuan secara persendirian, mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan bagi membolehkan pelajar menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, melaksanakan penilaian perkembangan pelajar dengan pelbagai metodologi, menggunakan teknologi dan alat-alatan ciptaan komuniti tempatan yang sesuai dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran dan melaksanakan penilaian perkembangan pelajar dengan berkesan. Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dan baik dalam aspek piawaian 10.

Jadual 2 berikut menunjukkan taburan dan peratus respon AJK kualiti terhadap pelaksanaan piawaian aspek proses di sekolah-sekolah agama Islam swasta. Skala respon dalam jadual dibaca seperti berikut:

- 1 = Tiada langsung kekangan dan masalah
- 2 = Sedikit kekangan dan masalah
- 3 = Mempunyai kekangan dan masalah pada tahap sederhana
- 4 = Mempunyai banyak kekangan dan banyak masalah
- 5 = Terlalu banyak kekangan dan banyak masalah

Berdasarkan Jadual 2, kajian mendapati bahawa kekangan dan masalah dalam aspek piawaian proses sekolah adalah seperti berikut:

1. Kebanyakan responden menyatakan sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand menghadapi banyak kekangan dan masalah dalam beberapa perkara; (a) sekolah kekurangan alat-alat bantu mengajar dan infrastruktur yang baik, dan (b) tidak mempunyai guru-guru yang mahir dalam mentafsir dan melaksanakan kurikulum. Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah agama adalah tidak memuaskan dalam aspek piawaian proses.
2. Kebanyakan responden menyatakan tidak setuju tentang kewujudan kekangan dan masalah dalam beberapa perkara; (a) polisi sekolah merupakan polisi yang mundur' (b) pelajar tidak dapat membezakan di antara 'falsafah sekolah' dengan 'cogan kata sekolah', (c) warga sekolah tidak mengambil berat dalam melaksanakan polisi dan matlamat sekolah, (d) komunikasi di kalangan AJK projek tidak berkesan bagi merealisasi polisi sekolah, (e) sekolah tidak dapat menggunakan sumber-sumber tempatan untuk kegunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, (g) sekolah memberi masa kuliah yang sedikit menyebabkan guru tidak dapat mengajar semua isi kandungan, dan (h) guru masih menggunakan pendekatan yang berpusatkan guru. Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dan baik dalam aspek ini.

JADUAL 2. Taburan peratus kekerapan masalah dan kekangan dalam melaksanakan piawaian proses

Bil.	Masalah/Kekangan piawaian proses	1	2	3	4	5	Min
29.	Warga sekolah tidak mengambil berat dalam melaksanakan polisi dan matlamat sekolah	20.4 (80)	33.8 (133)	30.5 (120)	14.2 (56)	1.3 (5)	2.42
30.	Komunikasi di kalangan AJK projek tidak berkesan bagi merealisasikan polisi sekolah	10.4 (41)	37.7 (148)	30.5 (120)	15.3 (60)	6.1 (24)	2.68
31.	Polisi sekolah adalah polisi yang mundur	29.5 (116)	29.8 (117)	24.4 (96)	13.7 (54)	2.5 (10)	2.30
32.	Pelajar tidak dapat membezakan di antara 'falsafah sekolah' dengan cogan kata sekolah	28.2 (111)	27.5 (108)	27.0 (108)	12.0 (47)	4.8 (19)	2.37
33.	Sekolah tidak mempunyai kakitangan yang mahir dalam mentafsir kurikulum	13.5 (53)	23.9 (94)	23.9 (94)	24.4 (96)	14.2 (56)	3.02
34.	Guru masih menggunakan pendekatan yang berpusatkan guru	7.4 (29)	33.8 (133)	33.1 (130)	20.1 (79)	5.6 (22)	2.82
35.	Sekolah memberi masa kuliah yang sedikit menyebabkan guru tidak dapat mengajar semua isi kandungan	10.7 (42)	33.8 (133)	34.6 (136)	16.0 (63)	4.8 (19)	2.70
36.	Sekolah kekurangan alat-alat bantu mengajar dan infrastruktur yang baik	5.3 (21)	24.2 (95)	23.2 (91)	28.0 (110)	19.3 (76)	3.31
37.	Iklm sekolah tidak sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran	15.8 (62)	30.5 (120)	30.5 (120)	19.3 (76)	3.8 (15)	2.64
38.	Sekolah tidak dapat menggunakan sumber-sumber tempatan untuk kegunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran	12.0 (47)	34.9 (137)	34.4 (135)	13.5 (53)	5.3 (21)	2.65



IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah agama Islam di Selatan Thailand mempunyai sistem pentadbiran dan pengurusan yang baik. Keputusan ini membuktikan bahawa AJK jaminan kualiti berpendapat bahawa sekolah-sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mempunyai falsafah dan polisi mereka sendiri. Keputusan kajian ini juga membuktikan falsafah dan polisi di setiap sekolah adalah berbeza dan mempunyai identiti tersendiri, tetapi sejajar dengan Pelan Pendidikan Negara Thailand.

Keputusan di atas sangat sejajar dengan apa yang dikehendaki oleh Jabatan Jawatankuasa Pendidikan Swasta Thailand (2542/1999) yang menegaskan bahawa setiap sekolah perlu mempunyai falsafah secara bertulis dan ciri falsafah yang baik adalah sejajar dengan Pelan Pendidikan Negara serta sejajar dengan permintaan komuniti. Selain itu, sekolah-sekolah agama turut memberi pendedahan kepada masyarakat tentang falsafah pendidikan sekolah. Selanjutnya, menurut AJK kualiti, falsafah dan polisi juga digunakan oleh para guru dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat pendidikan.

Keperluan yang dikehendaki oleh Jabatan Jawatankuasa Pendidikan Swasta Thailand sebenarnya pun telah ditunaikan oleh sekolah. Ini kerana, selain daripada sekolah mempunyai ciri falsafah dan polisi sedemikian, sekolah juga mempunyai pelan pembangunan dan pelan pelaksanaan kerja serta menetapkan indikator kejayaan falsafah dan polisi. Di samping itu, dalam usaha memenuhi permintaan pelanggan, sekolah juga bekerjasama dengan ibu bapa dan komuniti. Fenomena ini amat jelas kerana hasil kajian Bahagian Polisi dan Pelan, Jawatankuasa Pendidikan Swasta (2542/1999) telah membuktikan bahawa sekolah mendapat sokongan yang tinggi daripada komuniti dan ibu bapa dalam aspek pembangunan sekolah.

Kajian ini mendapati bahawa sekolah-sekolah agama Islam tidak mempunyai polisi yang mundur, warga sekolah mengambil berat melaksanakan polisi dan matlamat sekolah dan komunikasi di kalangan AJK projek berkesan bagi merealisasikan polisi sekolah. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan jika ONESQA memberi pendedahan tentang jaminan kualiti, maka warga sekolah mengambil berat dalam melaksanakan polisi dan matlamat sekolah, mengambil berat tentang komunikasi bagi merealisasikan polisi sekolah dan polisi sekolah yang mundur dapat dimansuhkan. Sehubungan dengan itu, melalui analisis khi-kuasa dua, kajian ini juga mendapati bahawa jika tiada polisi yang mundur tetapi adanya keberkesanan dalam komunikasi, maka taraf prestasi sekolah pun adalah baik – wujud perkaitan positif antara pembolehubah berkenaan.

Manakala dalam aspek pengurusan dan pentadbiran, keputusan kajian ini juga membuktikan bahawa sekolah-sekolah agama Islam melaksanakan pentadbiran dengan berasaskan panduan kualiti yang ditetapkan oleh ONESQA. Sementara itu, sekolah juga selalu membuat audit dalaman dan menilai hasil pembelajaran untuk menentukan pencapaian matlamat pendidikan di sekolah.



Menurut AJK kualiti, sekolah-sekolah mendokumentasikan data-data/hasil daripada penilaian untuk digunakan dalam membuat keputusan (*decision making*) dan menambahbaikkan pengajaran dan pekerjaan staf. Selain itu, melalui analisis khi-kuasa dua, kajian ini mendapati bahawa jika sekolah melaksanakan aktiviti yang dibincangkan di atas, maka taraf prestasi sekolah pun adalah baik – iaitu perkaitan positif antara kedua-dua pembolehubah.

Sekolah-sekolah agama Islam juga mempunyai maklumat yang lengkap dan sejajar dengan permintaan guru dan pelajar, dan sekolah juga melaporkan hasil penilaian kepada warga sekolah. Hasil kajian ini disokong kuat oleh kajian Bahagian Polisi dan Pelan, Jawatankuasa Pendidikan Swasta (2542/1999) yang mendapati bahawa pentadbir-pentadbir sekolah agama Islam swasta dan sekolah wakaf menggunakan masa bertugas sebanyak 60 – 80 peratus daripada tempoh perkhidmatan yang diwajibkan. Manakala, dari aspek persediaan dalam pentadbiran pula, kebanyakan sekolah mempunyai pelan pembangunan dan mengadakan aktiviti yang mewujudkan hubungan dengan komuniti sekitar.

Oleh sebab sekolah melaksanakan aspek pengurusan dan pentadbiran dengan baik, maka sekolah tidak mempunyai kekangan dan masalah mengenai komunikasi antara pentadbir, guru, pelajar dan komuniti dalam usaha mengadakan aktiviti-aktiviti untuk para pelajar. Pengurusan yang baik juga mendorong kepada pelaksanaan kurikulum yang sistematik dan pengurusan disiplin pelajar yang lancar. Melalui analisis khi-kuasa dua, keputusan kajian menunjukkan jika sekolah tidak mempunyai kekangan dan masalah mengenai komunikasi antara pentadbir, guru, pelajar dan komuniti, maka taraf prestasi sekolah pun adalah baik.

Langkah bagi memaklumkan kualiti atau prestasi sekolah kepada orang ramai supaya dapat diterima oleh mereka amat penting bagi sekolah. Namun demikian, satu kebimbangan yang wujud dikalangan AJK jaminan kualiti adalah sekolah kurang memberi galakan bekerja secara berpasukan dalam melaksanakan kerja sedangkan pendekatan ini amat memainkan peranan penting bagi menuju ke arah memperoleh pensijilan jaminan kualiti pendidikan. Murgatroyd dan Morgan (1994) menegaskan bahawa bekerja secara berpasukan bukan hanya dapat mendalami pengetahuan mengenai organisasi sahaja bahkan ia boleh mewujudkan keberkesanan organisasi dan pengurusan diri. Ini bermakna mereka dapat mengenal pasti prosedur, sub-matlamat, objektif dan arah tuju kerja mereka. Bagaimanapun, dapatan kajian ini juga menunjukkan ciri-ciri sekolah yang menuju ke arah budaya kerja berpasukan, iaitu guru agama dan guru akademik masih berpeluang untuk mewujudkan hubungan yang erat antara satu sama lain.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pada persepsi AJK jaminan kualiti, sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mengadakan hubungan yang erat dengan komuniti dalam aspek pembangunan pendidikan. Pada masa yang sama sekolah juga memberi peluang kepada ibu bapa dan komuniti dalam aspek tersebut. Dengan wujudnya hubungan sedemikian, maka taraf prestasi sekolah pun adalah baik. Keputusan ini sangat sejajar dengan kajian Manus Suvanchartee (2541/1998) yang membuat kajian di sekolah agama Islam swasta di wilayah



Narathiwat. Hasil kajian beliau mendapati taraf kerjasama dan hubungan yang rapat antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti dalam aspek pembangunan pendidikan mengikut persepsi pentadbir, guru dan ibu bapa adalah berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi.

Keputusan kajian ini menunjukkan sekolah mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pada persepsi AJK jaminan kualiti sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mengadakan empat perkara utama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar iaitu:

- a. Faktor sokongan aktiviti – didapati sekolah menggunakan teknologi dan alat- alatan ciptaan komuniti tempatan yang sesuai dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, sekolah tidak mempunyai kekangan dan masalah mengenai sekolah tidak dapat menggunakan sumber-sumber tempatan untuk kegunaan dalam proses pengajaran/pembelajaran dan iklim sekolah tidak sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran.
- b. Aspek perancangan – didapati sekolah melancarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pelbagai metodologi.
- c. Aspek aktiviti – sekolah menggalakkan proses dalam interaksi dengan orang lain serta kerjasama antara ahli-ahli pasukan dan bertanggungjawab ke atasnya. Selain itu, sekolah juga melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mewujudkan perasaan kasih terhadap sekolah.
- d. Aspek penilaian hasil – didapati sekolah melaksanakan penilaian perkembangan pelajar dengan pelbagai metodologi dan melaksanakan penilaian perkembangan pelajar dengan berkesan.

Keputusan kajian yang dinyatakan di atas sejajar dengan kajian Aduldej Thana (2542/1999) yang menunjukkan bahawa pelaksanaan kerja untuk pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar di sekolah menengah di wilayah Konkhean merangkumi empat skop, iaitu sokongan, perancangan aktiviti, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan penyeliaan dan penilaian hasil. Persediaan dan pelaksanaan kerja bagi empat skop kerja ini adalah pada tahap yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, AJK jaminan kualiti juga bersetuju bahawa pihak sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang meningkatkan kandungan pengetahuan, menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis serta mewujudkan konsep pengetahuan secara persendirian. Tambahan lagi, melalui analisis khi-kuasa dua, kajian ini menunjukkan jika sekolah mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan pengetahuan, maka taraf prestasi sekolah juga adalah baik, iaitu wujud perkaitan langsung antara kedua-dua pembolehubah.

Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa melalui latihan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat mewujudkan jenis pemikiran aras tinggi yang

dikehendaki. Antaranya, kajian Rapin Krammee (2544/2001) menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti pengajian sosial yang diajar dengan pendekatan konstruktivisme (berbanding dengan pelajar yang diajar dengan pendekatan biasa) mempunyai pencapaian yang lebih baik dan kebolehan berfikir berbentuk pertimbangan dan analisis yang lebih tinggi. Beliau menambah lagi bahawa ini bermakna pelajar yang diajar dengan pendekatan konstruktivisme lebih cemerlang jika dibandingkan dengan pelajar yang diajar dengan pendekatan biasa.

Di samping itu, Arunee Ratnawijit (2543/2000) membuktikan dalam kajian beliau bahawa kumpulan pelajar yang dilatih untuk berfikir analisis dan pertimbangan mempunyai taraf pemikiran berbentuk tersebut lebih tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan pelajar yang tidak terlatih. Dengan itu, beliau berpendapat bahawa latihan untuk berfikir dalam bentuk analisis dan pertimbangan dapat meningkatkan lagi kebolehan pelajar dalam pembelajaran.

Hasil kajian di atas diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Nantitiya Sunsern (2541/1998) yang mendapati bahawa pelajar yang diajar dengan pengajaran dan pembelajaran untuk pembangunan berfikir secara pertimbangan mempunyai kebolehan dan pencapaian akademik lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar yang diajar dengan pengajaran dan pembelajaran biasa.

Hasil kajian ini juga menunjukkan sekolah tidak mempunyai kekangan dan masalah dari segi masa kuliah, iaitu guru-guru mempunyai masa secukupnya untuk mengajar semua isi kandungan dan guru-guru di sekolah agama mahu menggunakan pendekatan yang berpusatkan murid. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa mengenai piawaian proses, persediaan sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand berada pada tahap yang baik, walaupun ada juga beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah. Secara amnya, sekolah-sekolah agama Islam mempunyai kesediaan yang memuaskan dan baik dari aspek piawaian proses kualiti pentadbiran, hubungan manusia, dan pembelajaran berpusatkan pelajar.

PENUTUP

Kajian ini telah memberi tumpuan kepada usaha-usaha sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand dalam proses jaminan kualiti pendidikan. Pada awalnya dijangkakan bahawa sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand akan menghadapi masalah serius dalam proses persediaan untuk memperoleh persijilan jaminan kualiti dari ONESQA. Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah agama Islam swasta bersedia melaksanakan dasar jaminan kualiti, walaupun dengan peruntukan dan infrastruktur yang terhad.

Beberapa kekangan dan masalah berpunca daripada perbezaan subsidi yang diberikan oleh kerajaan Thai memandangkan status dan keutamaan kepada sekolah swasta adalah tidak sama dengan keadaan untuk sekolah-sekolah



kerajaan. Dengan itu, jika kualiti pendidikan diutamakan, maka dicadangkan bahawa pihak kerajaan pusat memberi subsidi yang sama kepada semua sekolah agama Islam swasta di Thailand selaras dengan kehendak Akta Pendidikan Negara tahun 1999.

Kajian ini telah berteraskan piawaian dari aspek proses ONESQA yang diperkukuhkan dengan model TQM Oakland (1996). Berlandaskan keputusan kajian ini piawaian ONESQA dan model TQM Oakland adalah sangat relevan digunakan untuk proses jaminan kualiti pendidikan.

Sebagai rumusannya, dapatan-dapatan kajian ini menunjukkan sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mempunyai kesediaan jaminan kualiti yang memuaskan dan baik dalam aspek proses. Ini bermakna sekolah-sekolah berkenaan memberi sambutan yang baik terhadap polisi kualiti kerajaan. Ini mungkin kerana mereka mempunyai harapan bahawa jika mereka memperoleh persijilan jaminan kualiti, maka pihak kerajaan akan memberi subsidi sepenuhnya kepada sekolah-sekolah agama swasta.

RUJUKAN

- Aduldej Thana. 1999. *The practices of learning and teaching by child-centered approach in the small-sized secondary schools under the department of general education, Khon Kaen Province*. Unpublished M.A dissertation, Khonkean University, Khonkean.
- Arunee Ratanawijit. 2000. *The effect of critical thinking training on matayomsuksa I student, Tanangnaew Wittayayon School, Waengnoi District, Khon Khen Province*. Unpublished M.A dissertation, Khonkean University, Khonkean.
- Ayah Hasan. 1980. *Al-furqaan fi tafsir al-quraan*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Barry, Thomas, H. 1991. *Managing the total quality transformation*. USA: Mcgraw Hill Inc.
- Carolyn, J. D, Larry, E. F & Jeffrey, J. P. 1994. *The quality education challege*. California: Corwin Press, Inc.
- Cryer, P. 1993. *Preparing for quality assessment and audit: establishing and quality assurance system in higher education*. CVCP Publication.
- Chana Perumperasit. 1990. *Pengajaran dan pembelajaran sains sukan peringkat menengah atas di daerah 2,3,4,5 dan Bangkok*. Laporan Kajian. Bangkok: Bahagian Galakan Sukan dan Kesihatan, Jabatan Sukan Thailand.
- Doherty, G. D. 1994. *Development quality system in education*. London and New York: Routledge.
- Freeman, Richard. 1992. *Quality assurance in training and education: how to apply S5750 (ISO 9000) standard*. London: Kogan Page.
- Hoy, C. et al. 2000. *Improving quality in education*. London: Falmer Press.
- International Standard. 2000. *ISO 9000: quality management system – fundamentals and vocabulary*. (2nd Ed). ISO Switzerland.
- International Standard. 2000. *ISO 9001: quality management system – requirement*. (3rd Ed). ISO Switzerland.
- International Standard. 2000. *ISO 9004: quality management system – guidelines for performance improvements*. (2nd Ed). ISO Switzerland.

- Jabatan Piawaian Pendidikan Negara dan Penilaian Kualiti. (ONESQA) (2544/2001). *Jabatan piawaian pendidikan negara dan penilaian kualiti*. <http://www.onesqa.or.co.th>. 20/4/2001.
- Jabatan Piawaian Pendidikan Negara dan Penilaian Kualiti (ONESQA) (2544/2001). *Dikri diraja jabatan piawaian pendidikan negara dan penilaian kualiti tahun 2542/1999*. <http://www.onesqa.or.co.th>. 20/4/2001.
- Jabatan Timbalan Hal-Ehwal Universiti. (2541/1998). *Garis panduan jaminan kualiti untuk pendidikan tertiar*. Bangkok: Cetakan Chulalongkorn Universiti.
- Jabatan Jawatankuasa Pendidikan Swasta, Bahagian Polisi dan Pelan. 1999. *Kajian status pengurusan pendidikan di sekolah wakaf dan sekolah agama Islam swasta masjid dan bajikan tahun 1996*. Bangkok.
- Jirasak Thong-on. 1998. *The mental health of the mathayomsuksa 3 students in educational expansion occasion schools under the office of the primary education in Kamphaengphet*. Unpublished M.A dissertation, Nareasuan University.
- Kaoru Ishikawa. 1988. *Kawalan mutu menyeluruh gaya Jepun*. Terj. Rashid Azad Khan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Cetakan asal tahun 1981).
- Liston, Coleen. 1999. *Managing quality and standard*. Buckingham-Philadephia: Open University Press.
- Murgatroyd, S & Morgan, C. 1994. *Total quality management and the school*. Buckingham-Philadephia: Open University Press.
- Manus Suvanchartee. 1998. *Roles of school-community relations of Islamic private schools in Changwat Narathiwat*. Unpublished M.A dissertation, Prince of Songkla University, Pattani.
- Nantatiya Sunsern. 1998. *Effects of critical thinking teaching model in developing critical thinking*. Unpublished M.A dissertation, Burapa University, Chiang Mai.
- Nicholls, J. 1993. Customer Value in Four Steps. *TQM magazine* 5(2): 49-53.
- Niramon Pongsettasunt. 1999. *A comparative study on critical thinking of the upper secondary school students in Khon Kaen Municipality*. Unpublished M.A dissertation, Khonkean University, Khonkean.
- Oakland, J. S. 1996. *Pengurusan kualiti menyeluruh*. Terj. Mohamad Salmi Mohd. Sohod. Kuala Lumpur: DBP. (Cetakan asal tahun 1989).
- Panudda Dorkintr. 2001. *Mental health and study behavior of lower secondary school students at Suksasongkhro Chiang Mai school*. Research Report. Chiangmai: Chiangmai University.
- Pitsamai Wangmuan. 1999. *The relationship between factors effecting self-care practice of the lower secondary school students under the jurisdiction of the department of general education*. Unpublished M.A dissertation, Khonkean University, Khon Kaen.
- Prayong Khumprakhon. 1999. *The relationship between satisfaction of physical education class instructional programs and intraural athletic program of lower secondary education students under the jurisdiction of the general education department Nakhonratchasima Province*. Unpublished M.A dissertation, Khonken University, Khonkean.
- Ralph, G. L & Douglas, H. S. 1994. *Total quality in higher education*. Delray, Florida: St. Lucie Press.



- Rapin Krammee. 2001. *A study of mathayom suksa I students' achievement and analytical reasoning ability in social studies through constructivism and problem solving method*. Unpublished M.A dissertation, Srinakharinwirot University, Bangkok.
- Raymond, F. L, Carolyn, J. D. 1994. *Tool for achieving TQE*. California: Corwin Press, Inc.
- Sallis & Edward. 1993. *Total quality management in education*. Philadelphia London: Biddles Ltd, Quilford and King, s Lynn.
- Secretariat of ISO/TC 176/SC 2 (2001). *ISO 9000 introduction and support package*. <http://isotc176sc2.elysium-ltd.net/>. 17/9/2002.
- Sufean Hussin. 2002. *Inovasi dasar pendidikan: perspektif sistem dan organisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____. 2002. Model pengajaran-pembelajaran berkesan. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengajaran-Pembelajaran Sains Sosial Fakulti Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sumchai Phutabincapoch. 1985. *Kajian hasil galakkan membaca dan kekerapan mengguna perpustakaan di peringkat sekolah menengah 3*. Unpublished M.A dissertation, Srinakharinwirot University, Bangkok.
- Tenneyson, L. A. 1996. "Quality and quality review". *audit annual: handbook for institutions and members of audit panels*. New Zealand: University of New Zealand Press.
- Thailand, Office of Prime Minister, Office of The National Education Commission. (2001). *National Educational Act of B.E 2542 (1999)*. <http://www.onec.go.th/Act5/english/cover.htm>. 20/4/2001.
- Thailand, Kementerian Pendidikan, *Surat pekeliling bilangan st 1007/11609 perkara: subsidi kepada pelajar dalam bentuk kopong yuran pengajian (100%)*. 13 Ogos 1996.
- Thailand, Kementerian Pendidikan, Peraturan Kementerian Pendidikan tentang pemberian subsidi berbentuk wang mengikut jumlah pelajar diperingkat pendidikan asas bagi pelajar sekolah swasta. 11 Oktober 2002.